

FALSAFAH DAN KEBUDAYAAN

Hasil Kongres Kebudayaan Melayu

Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama, telah mengambil kesimpulan yang meliputi segala hasil Kongres yang bersejarah itu.

Kesimpulan ini dikemukakan oleh Cikgu Buyung bin Adil dari “Persatuan Wartawan Melayu Singapura” dan diterima oleh sidang perwakilan, bunyinya seperti berikut:

Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama Tanah Melayu telah bersidang dari 30.12.57 hingga 2.1.58 yang dihadiri oleh 53 buah badan-badan kebudayaan Melayu dari seluruh Persekutuan, Singapura dan Kalimantan Utara.

Dalam persidangan ini Kongres telah mengkaji dengan sedalam-dalamnya dan dengan secara jujur akan kebudayaan Melayu dari segi kerajinan dan pertukangan, filem dan kesusilaan, seni wayang dan drama, bahasa dan kesusasteraan, adat istiadat dan budi bahasa, pendidikan dan masyarakat sekolah dan rumahtangga, pendidikan jasmani dan kebudayaan Melayu secara umum – dan oleh kajian itu, Kongres ini mengambil kesimpulan bahawa:

“Dari zaman purbakala lagi iaitu kira-kira 1,500 tahun sebelum Masihi, hingga kepada pertengahan kurun masihi yang kedua puluh ini, iaitu lebih kurang selama 3,5000 tahun, didapati bangsa Melayu iaitu satu bangsa yang mempunyai kebudayaan yang bersejarah.

“Bangsa Melayu telah bercampur gaul di tanah airnya sendiri dengan berbagai-bagai bangsa Asia, terutama orang-orang Hindu dan Cina, yang datang menduduki negeri ini dari semenjak 1,500 tahun dahulu. Dalam percampuran

itu orang-orang Melayu dengan bangsa-bangsa asing itu telah berambil-ambilan kebudayaan yang disesuaikan dengan cara kehidupan umum, dan mereka telah hidup rukun damai.

“Bangsa Melayu telah berkenalan dengan bangsa-bangsa Barat terutama mulainya Portugis kemudian Belanda dan Inggeris dari semenjak awal kurun Masihi yang keenam belas, iaitu sudah kira-kira 550 tahun. Dalam perkenalan itu orang-orang Melayu telah berambil-ambilan kebudayaan dengan orang-orang Barat dan disesuaikan dengan kebudayaan Timur. Dalam percampuran dan pergaulan orang-orang Melayu dengan berbagai-bagai bangsa Asia dan bangsa Barat itu Kebudayaan Melayu telah melalui ujian Barat selama lebih kurang 3,500 tahun.

“Dengan ujian yang sebegitu lama dan percampurannya dalam kebudayaan bangsa-bangsa yang berpengaruh itu didapati kebudayaan Melayu tidak tenggelam atau hilang bahkan boleh pula disesuaikan dengan cara baharu sekarang ini.

“Oleh itu kebudayaan Melayu nyatalah ialah suatu kebudayaan yang bermutu dan bernilai.”

Kongres Kebudayaan Melayu (1)
Melaka, 2 Januari 1958.

Pengaruh Kebudayaan Islam

Dalam ucapannya ketika membuka dengan rasmi upacara Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama, yang berhormat Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussein, Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah mengulangi jejak sejarah kebudayaan Melayu satu persatu dan mengakui "bahawa kebudayaan-kebudayaan Hindu dan Islam telah membawa pengaruh besar kepada kebudayaan Melayu".

Kebudayaan Melayu Teras Kebudayaan Kebangsaan

Di antara keputusan-keputusan Kongres Kebudayaan Melayu yang sangat-sangat menggembirakan umat Islam ialah keputusan yang berbunyi:

"Kebudayaan Melayu yang tidak bertentangan dengan agama Islam adalah menjadi teras kebudayaan kebangsaan Tanah Melayu."

Suatu keputusan lagi yang berdasarkan Islam ialah:

"Bahawa pendidikan kebangsaan Melayu hendaklah ditujukan kepada menyuburkan peribadi bagi meninggikan

nilai dirinya, untuk masyarakat secara yang menyampaikan kepada keredaan Allah, dan bagi pertimbangan budi dan benda maka pendidikan hendaklah berdasarkan agama Islam yang sejati dengan cara-cara yang menurut masa dan faham yang luas."

Dewan Kebangsaan dan Kebudayaan

Kongres Kebudayaan Melayu yang bersejarah itu telah berjaya membentuk "Dewan Kebangsaan".

Dewan ini berdiri di atas lima sendi falsafahnya

iaitu: Kebangsaan, Kedaulatan, Kesatuan Bahasa, Kekeluargaan dan Keagamaan.

Dewan inilah yang bertanggungjawab dalam melaksanakan

keputusan-keputusan Kongres dan merapatkan hubungan kebudayaan dengan luar negeri.

Segala keputusan Kongres telah diserahkan oleh

Tuan Syed Nasir bin Ismail, pengerusi Kongres,

kanda A. Aminuddin Baki wakil Kementerian Pelajaran

Persekutuan Tanah Melayu.

Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung

Yang dibacakan dalam upacara pembukaan Kongres

"Kebudayaan dalam ertikata budi dan daya bagi sesuatu bangsa adalah menjadi sukatan maju mundurnya bangsa itu. Kebudayaan adalah pernyataan dari tabiat, falsafah, kepercayaan dan adat istiadat sesuatu bangsa: daripadanyalah dikenal sama ada bangsa itu bangsa yang besar atau layak menjadi besar atau sebaliknya.

"- kebudayaan Melayu sebagai dalam erti kebudayaan orang Melayu di kawasan pulau-pulau Melayu yang besar dengan kerajaan yang megah semenjak dahulu kala adalah hasil dari kebesaran falsafah hidup mereka yang diamalkan, manakala orang-orang Melayu telah banyak melalikan daripada beramalkan dan membiasakan kebudayaannya sendiri maka muramlah mahatari kebesaran bangsanya.

"Bait di samping mengucapkan selamat bersidang kepada Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama di Melaka pada 30 Disember 1957, mengucapkan juga sukacita kepada pihak yang menganjurkan Kongres ini kerana cita-cita dan azam mereka pada menghidupkan dan memberi jalan bagi berkembangnya semula kebudayaan Melayu di negeri ini sesuai dengan kehendak-kehendak perubahan yang sedang kita hadapi pada masa ini".